

Mesej Lima

Menjalani Kehidupan Orang Kristian dengan Menikmati Aliran Hayat serta Mempunyai Ministri Hayat yang Keluar daripada dan untuk Rumah Tuhan yang Agung

Bacaan Bible: Yeh. 47:1-12; 2 Kor. 3:6; 1 Kor. 9:11; 3:6, 9;4:15; 3:2, 12

- I. Untuk menjalani kehidupan orang Kristian, kita perlu menikmati aliran hayat yang keluar daripada rumah Tuhan—Yeh. 47:1-12:**
 - A. Pergerakan Tuhan yang muktamad ialah pergerakan-Nya dalam manusia untuk mendefinisikan manusia dengan menepui manusia dengan segala apanya Dia dalam hayat, sifat, elemen, dan esensi-Nya, demi kemuliaan, ekspresi, bagi Tuhan—2 Kor. 3:18; 1 Yoh. 3:2.
 - B. Air mengalir keluar dari bawah ambang pintu—Yeh. 47:1:
 1. Untuk air mengalir, harus adanya ambang pintu, suatu bukaan—bd. Mzm. 81:10.
 2. Jika kita mendekati Tuan dan lebih banyak menghubungi-Nya, akan adanya bukaan yang membenarkan air hidup mengalir keluar daripada gereja—*Kidung*, #614.
 - C. Aliran itu menghala ke arah timur—Yeh. 47:1:
 1. Sungai Tuhan mengalir ke arah kemuliaan Tuhan—bd. Bil. 2:3; Yeh. 43:2.
 2. Jika setiap orang dalam gereja mencari dan mementingkan kemuliaan Tuhan, air hidup akan mengalir keluar daripada gereja—Yoh. 7:18; 1 Kor. 10:31.
 - D. Air mengalir keluar dari sebelah kanan rumah—Yeh. 47:1 (selatan, lit., kanan):
 1. Dalam Bible, kanan merupakan kedudukan tertinggi, kedudukan pertama—bd. Ibr. 1:3.
 2. Aliran hayat harus mendapat tempat pertama dalam kita, menjadi faktor yang mengawal dalam kehidupan dan kerja kita—Wahi 22:1; Kol. 1:18b.
 - E. Aliran itu di sisi mazbah, menunjukkan bahawa kita memerlukan penanggungan salib dan persembahan penuh untuk menikmati aliran hayat—Yeh. 47:1.
 - F. Untuk pertambahan aliran hayat, kita perlu diukur oleh Tuan yang merupakan manusia tembaga—40:3; 47:2-5; Wahi 1:15; bd. Yoh. 7:37-39:
 1. Mengukur bererti memeriksa, menguji, menghakimi, dan memiliki; empat kali pengukuran sebanyak seribu hasta, satu unit yang lengkap (bd. Mzm. 84:10), menunjukkan bahawa sebagai makhluk ciptaan, kita perlu diukur oleh Tuan secara tuntas supaya Dia dapat memperoleh dan memiliki seluruh diri kita dengan sepenuhnya (Yes. 6:1-8).
 2. Semakin kita membenarkan Tuan memeriksa, menguji, dan menghakimi kita untuk memiliki kita, semakin dalamnya aliran itu; kedalaman aliran bergantung pada setakat mana kita telah diukur oleh Tuan—bd. 1 Yoh. 1:5, 7.
 3. Semakin kita diukur oleh Tuan, semakin kita dibatasi dan dihadkan oleh aliran kurnia hayat sehingga pada akhirnya kita hilang dalam dan dihanyutkan oleh Tuhan Tritunggal yang mengalir, yakni sungai untuk kita berenang; dalam erti kata tertentu, kita hilang segala kebebasan kita, tetapi dalam erti kata lain, kita benar-benar bebas—Yeh. 47:4-6.
 - G. Sungai itu menyebabkan segala sesuatu hidup; aliran sungai menghasilkan pohon, ikan, dan ternakan—ay. 7, 9-10, 12.
 - H. Sungai itu mengairi tanah yang kering-kontang dan menyembuhkan air maut; pengairan dan penyembuhan ini adalah untuk menghasilkan hayat—ay. 8:
 1. Sungai itu tidak dapat menyembuhkan rawang dan paya; rawang atau paya ialah tempat neutral, tempat setengah-setengah, tempat yang berkompromi dan kesuaman—ay. 11; bd. Wahi 3:15-16.

2. Untuk aliran hayat dan untuk kehidupan gereja, Tuan Yesus menghasratkan dan menuntut sikap yang mutlak; dengan bersikap mutlak, kita akan berada dalam aliran, dan aliran itu tidak akan menjadi titisan tetapi menjadi sungai untuk berenang; dengan itu segala sesuatu akan hidup ke mana sahaja sungai itu sampai.
- II. Kenikmatan kita terhadap Kristus sebagai aliran hayat adalah untuk kita menjadi penyemai, penanam, penyiram, pelahir, pemberi makan, dan pembina dengan mempunyai ministri hayat untuk pembinaan Tuhan yang organik dan mengagumkan, yakni rumah Tuhan yang agung—2 Kor. 3:6:**
- A. Seorang minister hayat ialah penyemai yang menyemaikan benih rohani:
 1. Dalam 1 Korintus 9:11 Paulus berkata kepada orang Korintus, “Kami menyemai apa yang rohani kepada kamu”; *apa yang rohani* merujuk kepada benih rohani.
 2. Benih merupakan bekas untuk hayat, dan menyemaikan benih rohani adalah untuk menyalurkan hayat dalam, dengan, dan daripada roh kita; Tuan Yesus datang sebagai Penyemai untuk menyemaikan diri-Nya sebagai benih hayat ke dalam bangsa manusia—Mat. 13:3, 37.
 3. Dalam pemulihan Tuan, kita sebagai minister waadah baru perlu menjadi penyemai yang menyalurkan hayat untuk bertumbuhkan dan menghasilkan Kristus dalam orang lain.
 - B. Seorang minister hayat ialah penanam yang menanam Kristus ke dalam umat Tuhan—1 Kor. 3:6:
 1. Percayawan, yang telah dilahirukan dalam Kristus dengan hayat Tuhan, merupakan tanah pertanian Tuhan, ladang Tuhan, dalam ciptaan baru Tuhan—ay. 9.
 2. Jika kita hendak menanam Kristus ke dalam orang lain, kita memerlukan pengalaman sejati terhadap Kristus sebagai hayat dalam roh kita.
 - C. Seorang minister hayat ialah penyiram yang menyiram orang dengan Kristus; sebaik sahaja kita menanam Kristus ke dalam orang lain, kita perlu menyiram mereka dengan air hayat—ay. 6:
 1. Kita boleh menyamakan penyiram di ladang Tuhan dengan sistem pengairan yang mempunyai tempat takungan untuk membekalkan air ke ladang; kita harus menjadi “sistem pengairan” divin dengan mempunyai takungan air hidup tersimpan dalam kita untuk mengairi gereja yang merupakan ladang Tuhan.
 2. Kita perlu mempunyai pengalaman sejati terhadap Kristus sebagai air hayat dan perhubungan yang hidup dengan-Nya supaya kita dapat menjadi saluran air hidup, sistem pengairan yang divin, yang dapat membekali orang dengan air hayat—Yoh. 4:14; 7:37-39.
 - D. Seorang minister hayat ialah pelahir, yakni bapa, yang menyalurkan hayat kepada anak-anak yang dilahirkannya—1 Kor. 4:15:
 1. Melahir bererti menghasilkan anak-anak rohani, melahirkan mereka, menerusi penyaluran hayat.
 2. Kita perlu mempunyai “germa hayat” divin untuk menyalurkan hayat divin ke dalam orang lain supaya mereka dilahirkan menjadi anak-anak Tuhan.
 - E. Seorang minister hayat ialah pemberi makan; memberi makan merupakan perkara hayat, yang berbeza daripada mengajar, suatu perkara pengetahuan:
 1. Memberikan susu untuk diminum atau makanan untuk dimakan bererti memberi makan kepada orang lain (3:2); apa yang diministerkan oleh dutus kepada percayawan Korintus ialah susu, dan itu semestinya mengkhasiatkan mereka.
 2. Ajaran dutus yang wajar meministerkan ajaran sihat sebagai bekalan hayat kepada orang, sama ada mengkhasiatkan mereka atau menyembuhkan mereka—1 Tim. 1:10b; 6:3; 2 Tim. 1:13; Tit. 1:9.

- F. Seorang minister hayat ialah pembina yang membina dengan emas, perak, dan batu-batu berharga:
1. Emas melambangkan Tuhan Bapa dalam sifat divin-Nya, perak melambangkan Kristus dalam kerja penebusan-Nya, dan batu-batu berharga menandakan Roh itu dalam kerja transformasi-Nya (ini berlawanan dengan kayu, yang menandakan sifat manusia; rumput, yang menandakan manusia dalam tubuh daging; dan jerami, yang menandakan ketiadaan hayat)—1 Kor. 3:12.
 2. Kidung Agung memberikan gambaran bahawa dalam kehidupan gereja yang wajar, percayawan yang telah disempurnakan berkoordinasi dengan Roh yang mentransform untuk menyempurnakan pencari yang mengasihi Kristus dengan meministerkan Tuhan Tritunggal kepada mereka, supaya mereka ditransform hasil daripada atribut-atribut Tuhan Tritunggal digarapkan ke dalam mereka untuk menjadi virtu-virtu mereka—1:10-11.
 3. Ini adalah untuk pembinaan gereja sebagai Tubuh Kristus yang organik bagi mengkonsumasikan Yerusalem Baru demi penggenapan ekonomi abadi Tuhan—1 Kor. 3:12; Wahi 21:18-21.